

# Pelajar jadi PM dan AP bahas isu

SPEAKER Parlimen Cik Halimah Yacob semalam merasmikan pembukaan acara Model Parlimen Singapura di Arts House.

Acara yang diadakan buat kali keempat itu bertujuan memperkenalkan proses Parlimen Singapura kepada golongan belia setempat.

Para peserta yang terdiri daripada pelajar universiti dan politeknik memainkan peranan sebagai Anggota Parlimen daripada parti pemerintah dan pembangkang serta diberi peluang membahaskan isu.

Cik M Premikha, 19 tahun, yang memulakan pengajian di Sekolah Perubatan Universiti Nasional Singapura (NUS) Yoo Loo Lin bulan depan, memainkan peranan sebagai Perdana Menteri – julung kali peranan itu dipegang peserta wanita.

Satu lagi ciri baru yang diperkenalkan tahun ini ialah pelajar turut memainkan peranan sebagai wartawan dari dalam dan luar negara.

Acara tiga hari itu dihadiri sekitar 90 pelajar.

Ia dianjurkan bersama duta belia

## KENALI PROSES PARLIMEN SINGAPURA:

Cik Halimah Yacob berbual mesra dengan beberapa peserta acara Model Parlimen di Arts House.  
– Foto ZAO BAO



NUS daripada unit maklum balas pemerintah Reach, Persatuan Sains Politik NUS dan Pejabat Pro Bono Fakulti Undang-Undang NUS.

Presiden Persatuan Sains Politik

NUS, Encik Chris Chia, 24 tahun, berkata peranan perdana menteri di acara itu amat mencabar yang memerlukan peserta membimbing anggota lain dalam model parlimen.

“Premikha memaparkan pemahaman jelas dalam menilai kepupayaan anggotanya dan menunjukkan ciri kepimpinan yang baik,” kata beliau.